

AKHBAR : KOSMO

HARI : KHAMIS

TARIKH : 5 JANUARI 2012

IKN pusat rujukan rawatan kanser

05/01/2012 3:40pm

PUTRAJAYA - Institut Kanser Negara (IKN) Putrajaya yang dijangka siap pada Ogos tahun depan akan menjadi Pusat Rujukan Kebangsaan dan Pusat Kecemerlangan bagi rawatan dan pengurusan kanser di Malaysia dan rantau ini.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Liow Tiong Lai berkata, IKN akan berfungsi sebagai penyelaras dalam penyediaan perkhidmatan dengan mewujudkan polisi serta garis panduan bagi rawatan kanser di negara ini.

"IKN Putrajaya yang mempunyai kemudahan komprehensif dan terkini dalam rawatan dan pengurusan kanser akan memberikan perkhidmatan menyeluruh serta penyelidikan berkaitan kanser," katanya kepada pemberita selepas melawat tapak IKN di sini hari ini.

IKN Putrajaya yang terletak bersebelahan Hospital Putrajaya bernilai RM690 juta dan mempunyai 252 katil.

Tiong Lai berkata, peratusan kematian yang disebabkan oleh kanser telah meningkat daripada 7.37 peratus pada tahun 1975 kepada 11.87 peratus pada tahun 2010, menjadikan kanser "pembunuh nombor dua" negara selepas penyakit jantung.

Katanya, peningkatan kanser di Malaysia adalah kerana populasi semakin tua, amalan gaya hidup tidak sihat serta pendedahan kepada agen karsinogen akibat arus pemodenan.

Kerajaan melalui Kementerian Kesihatan telah menyediakan Pelan Hala Tuju Kawalan Kanser Negara pada tahun 2008 untuk menangani dan mengawal penyakit kanser di negara ini.

Selain penubuhan IKN, bidang-bidang keutamaan yang dicadangkan dalam pelan itu ialah menyediakan program saringan dan pengesanan awal untuk jenis-jenis kanser tertentu. —

BERNAMA

AKHBAR : BERITA HARIAN

HARI : JUMAAT

TARIKH : 6 JANUARI 2012

Bina institut kanser guna aplikasi pintar

• Nasional • Nasional • 2012-01-06 08:00 • Click: 463 • Disediakan oleh Berita Harian

Font: [BB B M S]

Tweet   0

Teknologi BIM cecutkan reka bentuk, pembinaan

PUTRAJAYA: Bangunan Institut Kanser Negara (IKN) di Presint 7 di sini berharga RM690 juta muncul sebagai premis pertama dibangunkan Jabatan Kerja Raya (JKR) di negara ini menggunakan teknologi pintar Building Information Modelling (BIM). Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Shaziman Abu Mansor, berkata penggunaan teknologi BIM, iaitu aplikasi model digital bagi mempercepatkan kerja reka bentuk, pembinaan dan pengurusan, bukan hanya mempercepatkan pembinaan IKN, malah memudahkan kerja penyelenggaraan dan membaik pulih apabila berlaku kerosakan selepas bangunan itu siap pada 31 Ogos 2013. "Kita yakin IKN dijangka beroperasi lebih awal, selepas diserahkan kepada Kementerian Kesihatan kerana sehingga 31 Disember lalu, kerja pembinaannya mencapai tahap 22.6 peratus siap iaitu tujuh peratus lebih awal berbanding jadual sebenarnya 16 peratus.

"Pembinaan IKN mencatatkan rekod amalan terbaik bagi pengurusan keselamatan apabila merekodkan sifar kemalangan dalam tempoh 1.46 juta jam bekerja (451 hari) sejak September 2010," katanya selepas melawat tapak projek bangunan itu di sini, semalam.

Pada masa sama, Shaziman berkata, kementerian melantik Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Sektor Bisnes), Datuk Ir Mohamad Hussin selaku Pengarah Projek IKN' bagi memastikan pembinaan berjalan lancar.

Sementara itu, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Liow Tiong Lai, yang turut serta dalam lawatan itu, berkata pihaknya berharap pembinaan dapat disiapkan mengikut jadual kerana ia bakal menjadi Pusat Rujukan Kebangsaan dan Pusat Kecemerlangan bagi pengurusan, rawatan serta penyelidikan dan pembangunan (R&D) ubat-ubatan baru di Malaysia dan rantau Asia.

Tiong Lai berkata, pembinaan IKN membolehkan kerajaan menyediakan pelbagai kemudahan termasuk perkhidmatan pesakit luar khusus bagi rawatan kanser antaranya klinik onkologi, paliatif, perubatan nuklear, rawatan kanser harian dan penjagaan kanser di rumah kepada rakyat negara ini.

Beliau berkata, pembinaan IKN penting kerana kanser adalah pembunuh nombor dua di kalangan rakyat Malaysia selepas jantung.

Malah, dari segi peratusan kematian akibat kanser meningkat daripada 7.5 peratus pada 1975 kepada 11.87 peratus, pada 2010.

"Daftar Kanser Kebangsaan pada 2007 pula menunjukkan lima jenis kanser paling kerap berlaku di kalangan rakyat Malaysia ialah payu dara (18.1 peratus), kolorektal (12.3 peratus), paru-paru (10.2 peratus), nasofarink (5.2 peratus) dan serviks (4.6 peratus)," katanya.